

PRODUK PERBENDAHARAAN

Risalah Penerangan Produk – Wa’ad Hadapan FX-i

Tarikh :.....

Sila baca Risalah Penerangan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk melabur di dalam Wa’ad Hadapan FX-i. Pastikan anda membaca terma dan syarat dalam surat tawaran dan/atau perjanjian produk. Dapatkan penjelasan daripada Bank jika anda tidak memahami mana-mana bahagian dokumen ini atau syarat am.

1. Apakah itu Wa’ad Hadapan FX-i?

- Wa’ad Hadapan FX-i ialah perjanjian satu pihak antara beberapa pihak untuk membeli satu matawang atas penjualan matawang lain pada harga yang dipersetujui untuk penyelesaian pada tarikh nilai hadapan/masa hadapan. Kadar pertukaran yang digunakan untuk urusan niaga ini dinamakan kadar pertukaran hadapan.

2. Siapakah yang boleh melabur di dalam Wa’ad Hadapan FX-i?

- Korporat, PKS, Badan Kerajaan dan Berkanun serta Institusi Kewangan.

3. Bagaimanakah produk ini dikendalikan?

- Pembelian satu matawang akan diselesaikan melalui penyerahan matawang lain pada tarikh hadapan.
- Perjanjian satu pihak yang melibatkan dua pihak, dengan satu pihak berjanji untuk mengikat kontrak satu pihak dengan pihak yang satu lagi membeli / menjual matawang untuk penyelesaian pada tarikh nilai hadapan dengan kadar dan jumlah yang dipersetujui pada hari ini.
- Pihak yang berjanji bertanggungjawab menghormati perjanjian itu.

4. Apakah konsep dan kontrak Syariah yang digunakan?

- Konsep Syariah yang digunakan ialah Wa’ad. Secara harfiah ia bermaksud Janji. Janji yang dibuat oleh satu pihak untuk kontrak di masa hadapan.

5. Apakah yang akan saya perolehi daripada produk ini?

- Bank akan menyediakan penyelesaian kewangan berdasarkan keperluan pelanggan.
- Keperluan pelanggan untuk pertukaran mata wang bagi tujuan pelaburan dan perdagangan.
- Pelanggan boleh melindungi nilai obligasi hadapannya daripada turun naik pertukaran asing.
- Matawang yang ditawarkan adalah seperti yang diluluskan oleh Bank Negara Malaysia.
- Penyelesaian tunai.

6. Apakah dokumen asas yang diperlukan?

- Memorandum/Tataurusuan Persatuan.
- Sijil Penubuhan.
- Penandatanganan yang Diberi Kuasa.
- Borang 24, 45 & 48A.
- Resolusi Lembaga Pengarah.
- Penyata Kewangan.

7. Dokumen undang-undang?

- Perjanjian kemudahan serta dokumen urusan niaga dan keperluan undang-undang sedia ada yang lain hendaklah disempurnakan (jika berkenaan).
- Pelanggan berhak/mempunyai pilihan untuk meminta semua dokumen undang-undang sama ada dalam Bahasa Melayu atau Bahasa Inggeris.

8. Apakah yang akan berlaku jika saya gagal memenuhi obligasi saya?

- AFB akan menampung kedudukan hadapan dengan menyelaraskan kedudukan dengan pihak lain dan mendapatkan semula kos ditutup yang Dinilai Mengikut Pasaran yang berkaitan daripada pelanggan. AFB hanya akan mendapatkan semula ganti rugi jika ia mengalami “Kerugian Perdagangan” akibat kegagalan pelanggan menyempurnakan urusan niaga sehingga matang.

9. Apakah fi dan caj yang perlu saya bayar?

- Duti setem akan dikenakan ke atas surat cara/dokumen yang berkaitan dengan produk mereka dan kadar duti berbeza mengikut jenis dan nilai produk.

10. Apakah Cukai Barangan dan Perkhidmatan Kerajaan?

- Cukai Barang & Perkhidmatan (CBP) oleh Kerajaan adalah dikenakan ke atas semua Pembekalan yang dianggap Bercukai (jika ada) di bawah Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) 2014, lanjutan daripada penyediaan Produk & Perkhidmatan pihak Bank. CBP adalah eksklusif ke atas nilai Pembekalan yang dianggap boleh dikenakan cukai pada kadar yang ditetapkan.

11. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat apa-apa perubahan dalam butiran alamat surat menyurat saya?

- Pelanggan perlu memaklumkan Bank secara rasmi tentang apa-apa perubahan dalam butiran hubungan pelanggan untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada pelanggan tepat pada masanya. Sila hubungi kami di talian 03-20791000 atau datang ke mana-mana cawangan kami untuk mendapatkan penjelasan lanjut.

12. Di manakah boleh saya mendapatkan bantuan dan membuat aduan?

<p>Jika pelanggan menghadapi kesulitan untuk membuat bayaran atau memerlukan maklumat tambahan tentang produk, manfaat dan keistimewaan, sila hubungi kami atau hantarkan e-mel kepada kami secepat mungkin di:</p>	<p>Hubungi/e-mel kami di: Asian Finance Bank Berhad Aras 2, Blok Podium, Kenanga International Jalan Sultan Ismail 50250 Kuala Lumpur Tel. : 03-20791000 Faks : 03-20791160 E-mel: feedback@asianfinancebank.com Laman web : www.asianfinancebank.com</p>	<p>Aduan boleh dihantar kepada: ecomplaint@asianfinancebank.com. Atau BNM Link / TELELINK Blok D, Bank Negara Malaysia Jalan Dato' Onn 50480 Kuala Lumpur Tel. : 1-300-88-5465 Faks : 03-21741515 E-mel : bnmtelelink@bnm.gov.my</p>
---	---	--

Maklumat yang dinyatakan dalam risalah penerangan produk ini sah pada Mac 2015.